

Ular tidak dijumpai buat 172 tahun ditemui mati di Hutan Simpanan Bukit Timah

Nov 01, 2019 | 12:04 PM



32



Kongsi



DITEMUI MATI: Beginilah rupa ular jenis *Ramphotyphlops lineatus* yang ditemui mati di Hutan Simpanan Bukit Timah, selepas 172 tahun tidak dijumpai di Singapura. -Foto ihsan JOHN VAN WYHE.

ULAR yang buat 172 tahun tidak kelihatan di Singapura dijumpai mati di Hutan Simpanan Bukit Timah September lalu, menurut satu laporan yang difailkan semalam (31 Oktober).

Dr John van Wyhe, pensyarah kanan di Universiti Nasional Singapura (NUS), menjumpai ular jenis 'lined blind' itu, yang juga dikenali dengan nama saintifiknya *Ramphotyphlops lineatus*, di trek berbasikal hutan tersebut pada 16 September lalu.

Kelihatan seperti cacing, penemuan ular hitam yang panjangnya lebih 50 sentimeter itu mengubah statusnya yang sebelum ini dicatat sebagai "tidak dapat dipastikan" - atau masih memerlukan pengesahan - sebagai masih wujud di Singapura.

"Tidak sangka ia ditemui di Singapura kerana ia adalah spesies yang jarang ditemui walaupun di Malaysia," kata Encik Law Ing Sind, pengasas bersama Persatuan Herpetologi Singapura yang membantu mengenal pasti ular tersebut. Herpetologi ialah bidang mengkaji mengenai binatang jenis reptilia dan amfibia.

Katanya: "Kami masih kurang pasti mengenai betapa besarnya bilangan ular tersebut dan di mana mereka berkumpul di Singapura."